

Tajuk : Program Penyelidikan Perkasa Produk Tempatan.

# Program penyelidikan perkasa produk tempatan

FENNY SILONG

KUCHING, Isnin — Cetusan idea dalam program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) sangat digalakkan di negeri ini, bagi membantu usahawan mengekalkan ketahanan hasil produk tempatan.

Menteri Muda Pembangunan Usahawan Bumiputera, Datuk Mohd Naroden Haji Majais berkata, industri pembuatan kek lapis misalnya sangat memerlukan cetusan idea R&D untuk mengekalkan ketahanan produk

itu daripada tercemar selepas tempoh tiga bulan.

Setakat ini, kita masih belum menemui sebarang idea untuk membantu para usahawan tersebut dalam mengekalkan warna dan rasa kek lapis selepas tempoh tiga bulan.

Justeru, kita masih mencari formula R&D dari agensi lain seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai Anugerah Usahawan Bumiputera

Sarawak 2013 di pejabatnya di Wisma Bapa Malaysia di sini, hari ini.

Naroden menjelaskan, kewujudan sebarang formula untuk mengekalkan ketahanan produk makanan tempatan yang disimpan di dalam plastik mampu menjamin kelangsungan produk itu di pasaran domestik juga antarabangsa.

Beliau yang juga Menteri Muda Perancangan Sumber berkata, strategi pemasaran usahawan di Sarawak masih lemah apabila turut mempengaruhi kadar jualan dan persaingan

produk tempatan dengan produk buatan negara lain.

Produk kita sebenarnya mampu bersaing dengan produk negara lain tetapi strategi pemasaran masih belum memuaskan dari segi pembungkusan dan lain lain. Oleh itu, saya menggesa semua usahawan untuk memikirkan strategi pemasaran yang kreatif dalam menjadikan produk tempatan sebagai pilihan orang ramai, ujarnya.

Mengulas lebih lanjut mengenai Anugerah Usahawan Bumiputera Sarawak 2013 yang diadakan pada 25 Oktober, Naroden

mengatakan, anugerah tersebut bertujuan mengiktiraf usahawan Bumiputera yang cemerlang dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi.

Terdapat lima kategori yang bakal dipertandingkan iaitu Anugerah Usahawan Bumiputera Cemerlang, Anugerah Usahawan Berjaya, Anugerah Usahawan Harapan untuk wanita dan pemuda berumur 18 hingga 45 tahun dan Anugerah Belia Muda bagi graduan menceburi bidang usahawan.

Pemenang anugerah ini akan mewakili usahawan Bumiputera

ke Anugerah Usahawan Negeri Sarawak atau mana mana anugerah keusahawanan di peringkat nasional dan antarabangsa. Tarikh tutup pencalonan ialah pada 4 Oktober 2013, ujarnya.

Jelasnya, Ketua Menteri, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dijangka merasmikan anugerah yang kedua kali dianjurkan ini selepas tahun 2011.

Sebelum ini, pihaknya menerima banyak penyertaan daripada usahawan di seluruh negeri ini tetapi hanya menyenarai pendek 30 peserta yang memang memenuhi kriteria ditetapkan

oleh pihak penganjur.

Sebarang keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit Pembangunan Usahawan Bumiputera di talian 082 313749 (Dzulkornain Masron) dan 082 441784 (Lydia Lidina Bandi) atau Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS) di talian 082 233133 (Sarhini Haji Abang) dan 082 247166 (Nensy Sujal).

Hadir sama, Presiden Majlis Eksekutif DUBS, Datu Haji Abang Helmi Ikhwan, Akauntan Bertauliah, Wan Idris Wan Ibrahim dan ahli yang lain.



SIDANG MEDIA ... Datuk Mohd Naroden Haji Majais (tengah) bersama Datu Haji Abang Helmi Ikhwan (kiri), Wan Idris Wan Ibrahim (kanan) dan ahli lain menunjukkan borang penyertaan Anugerah Usahawan Bumiputera Sarawak 2013 pada sidang media di Kuching, semalam.